

Praktis 1

Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Dia membina pondok itu di tepi sawah sebagai tempat berehat selepas penat bekerja.

Pondok itu dibinanya di tepi sawah sebagai tempat berehat selepas penat bekerja.

- (ii) Rakyat Brunei turut juga menonton siaran televisyen Malaysia walaupun mereka mempunyai siaran televisyen sendiri.

Siaran televisyen Malaysia turut juga ditonton oleh rakyat Brunei walaupun mereka mempunyai siaran televisyen sendiri.

- (iii) Kamu telah mengunjungi keluarga kamu di Kelantan?

Keluarga kamu di Kelantan telah kamu kunjungi?

Praktis 2

Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Pengetua telah melantik Cikgu Deen sebagai guru disiplin kerana ketegasannya dalam menjalankan tugas.

Cikgu Deen telah dilantik oleh Pengetua sebagai guru disiplin kerana ketegasannya dalam menjalankan tugas.

- (ii) Mohd. Akil membalingkan pisau itu ke dinding.

Pisau itu dibalinkan oleh Mohd. Akil ke dinding.

- (iii) Mereka mempelajari silat gayung daripada Mahaguru Silat Malaysia sejak dua tahun yang lalu.

Silat gayung dipelajari oleh mereka daripada Mahaguru Silat Malaysia sejak dua tahun yang lalu.

Praktis 3

Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Dia senantiasa mengenang-nge-nangkan nasibnya ketika berada di perantauan.

Nasibnya ketika berada di perantauan sentiasa dikenang-kenangkannya.

- (ii) Kamu akan melawati tempat itu esok atau lusa?

Tempat itu akan kamu lawati esok atau lusa?

- (iii) Haji Syukur mengajar kanak-kanak di kampung itu membaca al-Quran.

Kanak-kanak di kampung itu diajar oleh Haji Syukur membaca al-Quran.

Praktis 4

Tukarkan ayat pasif di bawah ini kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Ayah dimasakkan bubur lambuk oleh kakak pada malam itu.

Kakak memasak ayah bubur lambuk pada malam itu.

- (ii) Banyak tempat yang menarik di Melangkap dapat dilawati oleh rakyat tempatan atau pelancong luar negara.

Rakyat tempatan atau pelancong luar negara dapat melawati banyak tempat yang menarik di Melangkap.

- (iii) Bahawa Hanita telah mencapai kejayaan yang cemerlang telah diketahui oleh mereka.

Mereka mengetahui bahawa Hanita telah mencapai kejayaan yang cemerlang.

Praktis 5

Tukarkan ayat pasif di bawah ini kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Akan anda sertai pertandingan tersebut jika hadiahnya anda ketahui.
Anda akan menyertai pertandingan tersebut jika anda mengetahui hadiahnya.
- (ii) Surat daripada nenek itu telah saya balas kelmarin.
Saya telah membalas surat daripada nenek itu kelmarin.
- (iii) Kelapa-kelapa tua dari atas pokok itu telah saya turunkan.
Saya telah menurunkan kelapa-kelapa tua dari atas pokok itu.

Praktis 6

Tukarkan ayat susunan biasa di bawah ini kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Anak kucing itu comel sungguh.
Comel sungguh anak kucing itu.
- (ii) Beberapa mekanisme alternatif untuk pengguna ada di Malaysia.
Di Malaysia ada beberapa mekanisme alternatif untuk pengguna.
- (iii) Bunga yang dipamerkan di Ekspo Flora itu cantik-cantik belaka.
Cantik-cantik belaka bunga yang dipamerkan di Ekspo Flora itu.

Praktis 7

Tukarkan ayat susunan biasa di bawah ini kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Kebanyakan rumah dibina di sepanjang sungai pada zaman dahulu.
Pada zaman dahulu kebanyakan rumah dibina di sepanjang sungai.
- (ii) Nama adik kamu siapa?
Siapakah nama adik kamu?
- (iii) Kereta yang laju tadi terjunam ke dalam longkang.
Terjunam ke dalam longkang kereta yang laju tadi.

Praktis 8

Tukarkan ayat susunan biasa di bawah ini kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Pintu itu perlu engkau tutup rapat-rapat.
Perlu engkau tutup rapat-rapat pintu itu.
- (ii) Orang yang menyampaikan ceramah tadi siapa?
Siapakah orang yang menyampaikan ceramah tadi?
- (iii) Kapal terbang itu mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.
Mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu kapal terbang itu.

Praktis 9

Sambungkan ayat-ayat tunggal yang berikut supaya menjadi ayat majmuk tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Encik hendak menaiki komuter? Encik hendak menaiki teksi?
Encik hendak menaiki komuter atau hendak menaiki teksi?
- (ii) Puan Laila menghidupkan enjin kereta. Puan Laila memandu keretanya.
Puan Laila menghidupkan enjin kereta lalu memandu keretanya.
- (iii) Kami bertungkus lumus untuk menyiapkan kerja itu. Kami akhirnya keletihan.
Kami bertungkus lumus untuk menyiapkan kerja itu sehingga kami akhirnya keletihan.

Praktis 10

Sambungkan ayat-ayat tunggal yang berikut supaya menjadi ayat majmuk tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Rosnah masuk ke dalam bilik darjah. Dia dimarahi gurunya. Dia kelewatan.
Sebaik-baik sahaja Rosnah masuk ke dalam bilik darjah, dia dimarahi oleh gurunya kerana kelewatan.
- (ii) Kamus ini berguna kepada murid. Kamus ini berguna kepada guru. Kamus ini berguna untuk membuat rujukan.
Kamus ini bukan sahaja berguna kepada murid tetapi juga kepada guru untuk membuat rujukan.
- (iii) Dia cantik. Dia menawan. Dia sombong.
Walaupun dia cantik dan menawan tetapi dia sombong.

Praktis 11

Sambungkan ayat-ayat tunggal yang berikut supaya menjadi ayat majmuk tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Rahim dapat menyelesaikan masalah itu. Masalah itu sangat sukar.
Rahim dapat menyelesaikan masalah itu walaupun sangat sukar.
- (ii) Marlina sudah menjadi warga emas. Marlina tetap berminat untuk menyempurnakan pengajiannya pada peringkat sarjana.
- (iii) **Sekalipun sudah menjadi warga emas, Marlina tetap berminat untuk menyempurnakan pengajiannya pada peringkat sarjana.**

- (iv) Semua orang faham. Eloklah kita adakan satu majlis penerangan tentang hal tersebut.
Supaya semua orang faham, eloklah kita mengadakan satu majlis penerangan tentang hal tersebut.

Praktis 12

Pisahkan ayat majmuk yang berikut menjadi ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Meskipun hari telah gelap, pengembara itu masih mahu meneruskan perjalanannya.
Hari telah gelap. Pengembara itu masih mahu meneruskan perjalanannya.
- (ii) Semenjak jambatan itu siap dibina, saya tidak lagi menaiki feri.
Jambatan itu siap dibina. Saya tidak lagi menaiki feri.
- (iii) Saya tidak pernah memburuk-burukkan peribadinya malah saya selalu memujinya.
Saya tidak pernah memburuk-burukkan peribadinya. Saya selalu memujinya.

Praktis 13

Pisahkan ayat majmuk yang berikut menjadi ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Orang itu pergi ke bandar dengan menaiki bas.
Orang itu pergi ke bandar. Orang itu menaiki bas.
- (ii) Pengetua yang baru berpindah ke sini itu bernama Peter Semudin.
Pengetua baru berpindah ke sini. Pengetua itu bernama Peter Semudin.
- (iii) Nizam hendak terjun ke laut, Nizam sedar bahawa dia tidak tahu berenang.
Ketika hendak terjun ke laut. Nizam sedar sesuatu. Nizam tidak tahu berenang.

Praktis 14

Pisahkan ayat majmuk yang berikut menjadi ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Sementara menunggu suaminya pulang, Sifa menjahit kain.
Sifa menjahit kain. Sifa menunggu suaminya pulang.
- (ii) Salasiah belum berjumpa dengan Hajah Uswa sejak beliau balik dari Makkah.
Salasiah belum berjumpa dengan Hajah Uswa. Beliau balik dari Makkah.
- (iii) Sejak saya kembali dari Jepun, belum saya berjumpa dengannya.
Saya kembali dari Jepun. Belum saya berjumpa dengannya.

Praktis 15

Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat yang di bawah seperti yang berikut.

NOR AZIZI BIN HJ. MOHD. ISA
Munsyi Dewan DBP

- (i) Di Kampung Narinang mereka tinggal.
Subjek : Mereka
Predikat: tinggal di Kampung Narinang.
- (ii) Sedang hujan lebat sekarang di sana.
Subjek : hujan
Predikat: sedang lebat sekarang di sana.
- (iii) Zali memang kedekut orangnya.
Subjek : Zali
Predikat: memang kedekut orangnya.
- (iv) Abang mungkin terlupa untuk menutup pintu itu.
Subjek : Abang
Predikat: mungkin terlupa untuk menutup pintu itu.
- (v) Sudah ada seekor burung di atas pokok itu.
Subjek : Seekor burung
Predikat: sudah ada di atas pokok itu.
- (vi) Isteri Encik Matlin sudah hamil lima bulan.
Subjek : Isteri Encik Matlin
Predikat: sudah hamil lima bulan.

Praktis 16

Kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi setiap ayat yang di bawah seperti yang berikut.

- (i) Siapakah mereka itu?
Subjek : Mereka itu
Predikat: siapa?
- (ii) Tidak dilupakan juga bidang pembangunan.
Subjek : Bidang pembangunan
Predikat: tidak dilupakan juga.
- (iii) Ada lima orang murid baharu di kelas ini.
Subjek : Lima orang murid baharu
Predikat: ada di kelas ini.
- (iv) Di sinilah beliau tinggal sejak lima tahun yang lalu.
Subjek : Beliau
Predikat: tinggal sejak lima tahun lalu di sinilah.
- (v) Adalah sukar untuk ditangani masalah yang semakin rumit itu.
Subjek : Masalah yang semakin rumit itu
Predikat: adalah sukar untuk ditangani.
- (vi) Antara masalah murid ponteng sekolah termasuklah pembabitan dalam kegiatan jenayah.
Subjek : Pembabitan dalam kegiatan jenayah
Predikat: termasuklah antara masalah murid ponteng sekolah.

Praktis 17

Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (**FN + FN**), Frasa Nama + Frasa Kerja (**FN + FK**), Frasa Nama + Frasa Adjektif (**FN + FA**), atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (**FN + FS**).

- (i) Bilik tidur saya / masih belum berkemas.
FN + FK
- (ii) Orang itu / kekurangan tenaga.
FN + FK
- (iii) Beliau / penceramah yang berpengalaman.
FN + FN
- (iv) Kakak / ke Kota Kinabalu esok.
FN + FS
- (v) Tubuhnya / semakin kurus.
FN + FA
- (vi) Landskap taman rekreasi itu / memang cantik.
FN + FA

Praktis 18

Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (**FN + FN**), Frasa Nama + Frasa Kerja (**FN + FK**), Frasa Nama + Frasa Adjektif (**FN + FA**), atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (**FN + FS**).

- (i) Tuhan / ada.
FN + FK
- (ii) Suhaina / memang rajin.
FN + FA
- (iii) Encik Alex / ke Kota Belud.
FN + FS
- (iv) Datuk / sedang tidur.
FN + FK
- (v) Dia / suka akan binatang.
FN + FA
- (v) Beliau / pengetua sekolah ini.
FN + FN

Praktis 19

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

NOR AZIZI BIN HJ. MOHD. ISA
 Munsyi Dewan DBP

- (i) “Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh,” kata Daman kepada penyokong-penyokongnya.
Daman mengingatkan penyokong-penyokongnya bahawa bersatu mereka teguh, bercerai mereka roboh.
- (ii) “Saya telah menziarahi nenek di hospital tadi,” kata Mahani kepada ibunya.
Mahani memaklumi ibunya bahawa dia telah menziarahi neneknya di hospital tadi.
- (iii) Cikgu Rosmizawati berkata, “Semua peserta rombongan dikehendaki supaya berada di sekolah selewat-lewatnya pada pukul 7:50 pagi esok.”
Cikgu Rosmizawati minta semua peserta rombongan supaya berada di sekolah selewat-lewatnya pada pukul 7.50 pagi esoknya.

Praktis 20

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) “Semalam saya bermimpi bahawa saya telah berjaya menjejakkan kaki di bulan,” kata Ramlah kepada kawannya.
Ramlah memberitahu kawannya bahawa pada malam kelmarin dia bermimpi menjejakkan kakinya di bulan.
- (ii) “Bilakah peperiksaan akhir tahun akan diadakan, Saiful?” tanya Razali.
Razali menanyai Saiful tentang tarikh peperiksaan akhir tahun akan diadakan.
- (iii) “Silalah tuan-puan masuk ke dewan sekarang. Upacara majlis akan dimulakan tepat pada pukul 8:30pagi,” kata pengacara majlis.
Pengacara majlis mempersilakan hadirin masuk ke dewan pada masa itu juga kerana upacara majlis akan dimulakan tepat pada pukul 8.30 pagi.

Praktis 21

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) “Sudah lama saya tidak berjumpa dengan kamu. Tampaknya kamu semakin gemuk,” kata Rahim kepada Nasir.
Rahim memberitahu Nasir bahawa dia sudah lama tidak berjumpa dengan Nasir dan menyatakan bahawa Nasir kelihatan semakin gemuk.
- (ii) Roslan bertanya kepada Anuar, “Siapakah tetamu khas yang datang ke majlis pembukaan rasmi Dewan SMK St. George?”
Roslan menanyai Anuar tentang tetamu khas yang datang ke majlis pembukaan rasmi Dewan SMK St. George tersebut.
- (iii) “Sesiapa yang ingin mohon masuk ke sekolah berasrama penuh, sila ambil borang di pejabat sekolah,” kata Encik Andrew kepada murid-muridnya.
Encik Andrew memberitahu murid-muridnya bahawa sesiapa yang berminat untuk memasuki sekolah berasrama penuh boleh mengambil borang di pejabat sekolah.

Praktis 22

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) “Emak telah dihantar oleh jiran malam tadi,” kata Rahimah kepada saya.
Rahimah memberitahu saya bahawa emaknya telah dihantar ke hospital oleh jiran pada malam tadi.
- (ii) “Ke manakah kamu hendak pergi pagi-pagi ini?” tanya Nizam kepada Zainal.
Nizam bertanya kepada Zainal tentang tempat yang ingin ditujuinya pada awal pagi itu.
- (iii) “Semua penduduk hendaklah berpindah ke balai raya dengan segera kerana aras air semakin naik,” kata ketua kampung.
Ketua kampung mengarahkan penduduk kampung supaya berpindah ke balai raya dengan segera kerana aras air semakin naik.

Praktis 23

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) “Pak Salleh berkata, “ Padi di kawasan saya sudah boleh dituai.”
Pak Salleh memberitahu bahawa padi di kawasannya sudah boleh dituai.
- (ii) “Mengapakah kamu tidak menghadiri kelas tambahan pada petang tadi?” tanya Rusli kepada adiknya, Amirul.
Rusli menanyani adiknya, Amirul tentang sebab Amirul tidak menghadiri kelas tambahan pada petang itu.
- (iii) “Juruacara majlis mengumumkan, “Semua peserta larian 4 X 400 meter diminta supaya berada di garisan permulaan dengan segera.”
Juruacara majlis minta semua peserta larian 4 X 400 meter agar berada di garisan permulaan dengan segera.

Praktis 24

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) “Kamu pergilah tidur dahulu. Esok kamu sambung kerja ini semula,” kata Meena kepada Ayu.
Meena menyuruh Ayu tidur dahulu dan menyambung kerjaya itu semula pada keesokan harinya.
- (ii) “Rakan kita ini tidak perlu kita bantu kerana dia anak hartawan,” kata Foong kepada Khairul.
Foong memberitahu Khairul bahawa rakan mereka itu tidak perlu dibantu kerana dia anak hartawan.
- (iii) “Pagi tadi, kamulah yang mengetuk pintu bilik saya?” soal Bernard kepada Ali.

Bernard menanyai Ali sama ada pada pagi itu Ali yang mengetuk pintu biliknya.

Praktis 25

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) “Pokok itu jangan kamu panjat kerana ada sarang tebuan di situ,” kata Lili kepada Mimi.
Lili menegah Mimi daripada memanjat pokok itu kerana terdapat sarang tebuan pada pokok itu.
- (ii) “Saya bukan mengintai kamu tetapi saya mengawasi kamu,” kata Akmal kepada adiknya.
Akmal berkata bahawa dia bukan mengintai adiknya itu sebaliknya dia mengawasinya.
- (iii) “Nah, ambil wang ini sebagai belanja dan bakinya simpan dalam tabung,” kata bapa kepada saya.
Bapa memberikan wang itu kepada saya untuk dijadikan sebagai belanja dan menyuruh saya menyimpan bakinya di dalam tabung.

Praktis 26

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) Mahani: Saya bercadang hendak mengikuti kursus urus niaga anjuran kerajaan.
Mahani bercadang untuk mengikuti kursus urus niaga anjuran kerajaan.
- (ii) Liza : Bagus cadangan kamu itu. Kamu akan mendapat banyak pengalaman dan ilmu pengetahuan.
Liza menyokong cadangan Mahani. Liza meyakinkan Mahani bahawa Mahani akan menimba banyak pengalaman dan pengetahuan daripada kursus tersebut.
- (iii) Mahani: Saya bercita-cita hendak menjadi peniaga yang berjaya pada suatu hari nanti.
Mahani menjelaskan bahawa dia mahu menjadi peniaga yang berjaya pada suatu hari nanti.
- (iv) Liza : Saya yakin bahawa kamu boleh mencapai cita-cita kamu itu.
Liza yakin bahawa Mahani akan berjaya mencapai cita-citanya itu.
- (v) Mahani: Terima kasih, Liza.
Mahani mengucapkan terima kasih kepada Liza.

Praktis 27

Tulis ayat-ayat di bawah ini semula dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki supaya mengekalkan susunan isi ayat-ayat tersebut.

- (i) *Ema menyuruh Don pergi dari situ sebelum kejahatan Don dibongkarnya.*
“Lebih baik kamu pergi dari sini sebelum kejahatan kamu saya bongkar,”
kata Ema kepada Don.
- (ii) *Seah mempersoalkan sikap abangnya yang hingga saat itu masih enggan pulang ke kampung.*
“Mengapakah hingga sekarang abang masih tidak mahu pulang ke kampung?” soal Seah kepada abangnya.
- (iii) *Delila merayu kepada suaminya supaya jangan menceraikannya malah Delila mengakui kesalahannya.*
“Tolonglah, bang. Janganlah saya awak ceraikan. Saya mengakui kesalahan saya,” kata Delia kepada suaminya.

Praktis 28

Tukarkan cakap pindah kepada cakap ajuk tanpa mengubah maksud asalnya.

Adam menyapa Johan dan bertanyakan khabarnya. Johan menjawab bahawa dirinya dalam keadaan baik-baik sahaja dan mengatakan bahawa sudah sekian lama mereka tidak berjumpa. Johan bersetuju dengan kata-kata Adam dan menambah bahawa hal itu berlaku sejak Adam berpindah ke sekolah teknik. Johan mohon maaf kerana sudah lama tidak berjumpa dengan Adam kerana dia tinggal di asrama dan sukar untuk keluar. Johan memahami situasi Adam itu dan mintanya supaya menumpukan perhatian terhadap pelajarannya. Akhirnya, Adam menghargai Johan dan menyatakan bahawa dia tidak akan melupakannya.

- (i) Adam: **Apa khabar, Johan?**
- (ii) Johan: **Saya baik-baik sahaja. Sudah lama kita tidak berjumpa, ya!**
- (iii) Adam: **Memang benar. Sejak kamu berpindah ke sekolah Teknik.**
- (iv) Johan: **Saya minta maaf. Saya tinggal di asrama, sukar sedikit hendak keluar.**
- (v) Adam: **Tidak mengapa. Tumpukan perhatian kamu pada pelajaran.**
- (vi) Johan: **Terima kasih atas nasihat awak Adam. Saya tidak akan lupa.**

Praktis 29

Tulis semula ayat-ayat di bawah dalam bentuk cakap ajuk. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam ayat tersebut.

- (i) Azrul memberitahu Rahayu bahawa dialah wanita yang paling cantik yang pernah ditemui.
“Engkaulah wanita yang paling cantik yang pernah kutemui,” kata Azrul kepada Rahayu.
- (ii) Cikgu Rahimah bertanya kepada Suhaila sebab dia tidak datang ke sekolah pada tiga hari yang lepas.
“Mengapakah kamu tidak datang ke sekolah pada tiga hari yang lepas?”
Tanya Cikgu Rahimah kepada Suhaila.
- (iii) Chong Ming bertanya kepada Ramli apakah tujuan dia menelefon dan menyuruh Chong Ming ke situ sehingga dia terpaksa menangguhkan kerjanya.

“Apakah tujuan kamu menelefon dan menyuruh saya ke sini sehingga saya terpaksa menanggungkan kerja,” tanya Chong Ming kepada Ramli.

- (iv) Cikgu Malinda menyanyakan Lydia sebab-sebab ketidakhadiran Noraini mengikuti latihan bola jarring selama tiga hari berturut-turut.
“Mengapakah Noraini tidak mengikuti latihan bola jarring selama tiga hari berturut-turut?” tanya Cikgu Malinda kepada Lydia.
- (v) Ramlie memberitahu Wahab bahawa dia berhasrat untuk mengikuti kursus membaiki komputer sebaik-baik sahaja tamat peperiksaan SPM.
“Saya berhasrat untuk mengikuti kursus membaiki komputer sebaik-baik sahaja tamat peperiksaan SPM,” kata Ibrahim kepada Wahab.
- (vi) Mira menegur Amirul dengan mengatakan bahawa pada pagi-pagi lagi Amirul sudah mengelamun.
“Pagi-pagi lagi kamu sudah mengelamun,” kata Mira kepada Amirul.

Praktis 30

Cerakinkan ayat majmuk dalam perenggan di bawah kepada enam ayat tanpa mengubah maksud asalnya.

Golongan muda merupakan modal insan yang tidak ternilai kepada negara kerana mereka ialah pelapis untuk memimpin negara pada masa akan datang. Oleh sebab itu, golongan muda perlu melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan dan segala kemahiran agar mampu bersaing pada peringkat antarabangsa. Selain itu, pembinaan sahsiah juga harus sentiasa dipupuk dari semasa ke semasa.

- (i) **Golongan muda merupakan modal insan yang tidak kepada negara.**
- (ii) **Golongan muda pelapis untuk memimpin negara pada masa akan datang.**
- (iii) **Golongan muda perlu melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan.**
- (iv) **Golongan muda perlu melengkapkan diri masing-masing dengan segala kemahiran.**
- (v) **Golongan muda perlu mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.**
- (vi) **Pembinaan sahsiah juga harus sentiasa dipupuk dari semasa ke semasa.**

Praktis 31

Berdasarkan ayat-ayat di bawah ini, bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkaian kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) **Encik Danis Sindikau** ketua kampung Bahab.
Siapakah ketua kampung itu?
- (ii) Atlet itu mendapat anugerah itu **kerana kejayaannya mendapat pingat emas dalam Sukan Asia**.
Mengapakah atlet itu mendapat anugerah itu?
- (iii) Program sahsiah diri akan diadakan **di Kem Bina Semangat Kuala Abai, Kota Belud**.
Di manakah program sahsiah diri akan diadakan?

- (iv) Para peserta dari Kuala Lumpur dijangka tiba **pada malam ini**.
Bilakah para peserta dari Kuala Lumpur dijangka tiba?
- (v) Perpaduan dapat diwujudkan **melalui semangat kerjasama**.
Bagaimanakah perpaduan dapat diwujudkan?
- (vi) **Bunga segar** digunakan untuk menghiasi pelamin itu.
Apakah yang digunakan untuk menghiasi pelamin itu?

Praktis 32

Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul.

- (i) Kereta Halim terlibat dalam kemalangan pada **pagi** tadi.
Bilakah kereta Halim terlibat dalam kemalangan?
- (ii) **Dato Vida** merupakan pengasas produk kecantikan yang popular itu.
Mengapakah atlet itu mendapat anugerah itu?
- (iii) Pertandingan akhir memanah akan diadakan di **Dewan Geliga, Kemaman**.
Di manakah pertandingan akhir memanah akan diadakan?
- (iv) Permuafakatan antara pengarah syarikat itu diadakan **melalui rundingan meja bulat**.
Bagaimanakah permuafakatan antara pengarah syarikat itu diadakan?
- (v) **Pensel khat** telah digunakan oleh Ustazah Mariam untuk menghasilkan tulisan khat.
Apakah yang digunakan oleh Ustazah Mariam untuk menghasilkan tulisan khat?
- (vi) Melaka menjadi destinasi pelancongan kerana **terdapat banyak lokasi bersejarah** di negeri tersebut.
Mengapakah Melaka menjadi destinasi pelancongan?

Praktis 33

Ayat-ayat di bawah terdiri daripada pelbagai jenis ayat majmuk. Nyatakan **jenis-jenis ayat majmuk** tersebut.

- (i) Usaha itu dijangka mendatangkan hasil pada tahun ini atau dalam pada tahun depan.
Ayat majmuk gabungan
- (ii) Abang saya menyatakan bahawa majlis perkahwinan itu akan diadakan pada hujung tahun ini.
Ayat majmuk komplemen
- (iii) Mereka akan mengunjungi pesta buku yang diadakan di dewan tersebut.
Ayat majmuk relative
- (iv) Sejak dia melanjutkan pelajaran ke universiti, ibunya sangat gembira.

Ayat majmuk pancangan keterangan

- (v) Setelah menunaikan solat subuh pada wal pagi itu, beliau berpakaian kemas.
Ayat majmuk gabungan
- (vi) Sungguh mustahil untuknya melarikan diri.
Ayat majmuk komplemen

Praktis 34

Bina ayat perintah berdasarkan situasi yang digambarkan oleh ayat ini dengan menggunakan kata perintah yang sesuai.

- (i) Para pelajar dilarang daripada duduk di dalam kelas pada waktu rehat.
Jangan duduk di dalam kelas pada waktu rehat.
- (ii) Encik Amirul dipelawa supaya duduk bersebelahan dengan Tuan Pengetua.
Sila / Mohon duduk di sebelah Tuan Pengetua, Amirul.
- (iii) Perwakilan diminta supaya diam semasa lagu “Negaraku” dinyanyikan.
Tolong diam apabila lagu “Negaraku” dinyanyikan.

Praktis 35

Tukarkan ayat susunan biasa di bawah ini kepada ayat susunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Murid tersebut tidak dapat menjelaskan yuran lawatan ke Kuala Lumpur kerana tidak berkemampuan.
Yuran lawatan ke Kuala Lumpur tidak dapat dijelaskan oleh murid tersebut kerana tidak berkemampuan.
- (ii) Sebanyak 40 orang murid telah menerima surat pelantikan sebagai pengawas Sekolah Kebangsaan Batu Merah.
Surat pelantikan sebagai pegawai Sekolah Kebangsaan Batu Merah telah diterima oleh sebanyak 40 orang murid.
- (iii) Setelah beberapa bulan membuat segala persiapan majlis perkahwinan abang, kami sekeluarga pun menerima para tamu dengan tangan terbuka.
Setelah beberapa bulan membuat segala persiapan majlis perkhawinan abang, para kamu pun diterima oleh kami sekeluarga dengan tangan terbuka.

Praktis 36

Kenal pasti jenis-jenis ayat perintah di bawah dan nyatakan sama ada ayat tersebut ayat suruhan, ayat permintaan, ayat silaan atau ayat larangan.

- (i) Tolong padamkan lampu sebelum meninggalkan bilik ini.
Ayat Permintaan
- (ii) Jangan minum air yang terdedah itu.
Ayat Larangan
- (iii) Sila serahkan borang permohonan yang telah lengkap ke pejabat.
Ayat Silaan
- (iv) Fikirkanlah sebelum kamu bertindak.
Ayat Suruhan
- (v) Jemputlah datang ke rumah saya pada hujung minggu ini.
Ayat Silaan
- (vi) Hantarlh buku itu sebelum pulang.
Ayat Suruhan

Praktis 37

*Nyatakan jenis-jenis ayat perintah di bawah ini sama ada **ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan** atau **ayat permintaan**.*

- (i) Jemput ke majlis perkahwinan saya.
Ayat Silaan
- (ii) Jangan lalu di kawasan peperiksaan.
Ayat Larangan
- (iii) Buang sampah ke dalam tong sampah.
Ayat Suruhan
- (iv) Jika aku pulang lewat, usah tunggu aku.
Ayat Silaan**Ayat Larangan**
- (v) Baca soalan dengan teliti sebelum menjawabnya.
Ayat Suruhan
- (vi) Buang sampah ke dalam tong sampah.
Ayat Permintaan

Praktis 38

*Berdasarkan ayat-ayat dibawah, bina **ayat tanya** dengan menggunakan **kata tanya** yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.*

- (i) Mereka bersenam **petang tadi**.
Bilakah mereka bersenam?
- (ii) **Encik Samad** pengurus besar syarikat itu.
Siapakah pengurus besar syarikat itu?

- (iii) Murid itu mendapat pujian *kerana kecemerlangan dalam pelajaran*.
Mengapakah murid itu mendapat pujian?
- (iv) Pertandingan akhir Piala Malaysia akan diadakan *di Stadium Bukit Jalil*.
Di manakah Pertandingan akhir Piala Malaysia akan diadakan?
- (v) *Kren* digunakan dalam pembinaan bangunan 21 tingkat itu.
Apakah alat mesin yang digunakan dalam pembinaan bangunan 21 tingkat itu?
- (vi) Negara kita mencapai kemerdekaan melalui rundingan *meja bulat*.
Bagaimanakah negara kita mencapai kemerdekaan?

Praktis 39

Nyatakan jenis ayat di bawah ini sama ada Ayat Majmuk Gabungan, Ayat Majmuk Campuran atau Ayat Majmuk Pancangan.

- (i) Salmiah suka menonton filem seram tetapi adiknya suka menonton filem komedi.
Ayat majmuk gabungan
- (ii) Kanak-kanak itu bersorak dengan kuat sambil menari.
Ayat majmuk gabungan
- (iii) Pasukan penyelamat masih meneruskan pencarian walaupun hujan turun dengan lebat.
Ayat majmuk pancangan
- (iv) Baju seragam unit beruniform telah diberikan kepada para pelajar sewaktu mereka menyertai perkhemahan.
Ayat majmuk campuran
- (v) Jurulatih itu memberitahu para pemain bahawa pertandingan futsal akan bermula pada bulan depan.
Ayat majmuk pancangan
- (vi) Pegawai itu melaporkan bahawa keadaan banjir bagi negeri-negeri di Pantai Timur beransur baik dan para penduduk sudah mula pulang ke rumah masing-masing.
Ayat majmuk campuran

Praktis 40

Nyatakan jenis ayat di bawah ini sama ada Ayat Relatif, Ayat Komplemen, Ayat Gabungan, Ayat Keterangan atau Ayat Campuran.

- (i) Mereka menyatakan bahawa mereka tetap akan memulaukan persembahan artis tersebut.
Ayat komplemen
- (ii) Adalah tidak mustahil untuknya melanjutkan pelajaran ke luar negara.
Ayat komplemen
- (iii) Banjir kilat berlaku setelah hujan lebat turun selama tiga jam.
Ayat keterangan
- (iv) Juneard tidak pernah memburuk-burukkan rakan baiknya justeru selalu memujinya.
Ayat gabungan
- (v) Beliau yang baru bertugas di sekolah itu dilantik sebagai penolong kanan kokurikulum.
Ayat relatif
- (vi) Salman yang keletihan itu masih terbaring di bawah pokok itu tetapi rakan-rakannya yang lain telah masuk ke padang.
Ayat Campuran